

13 OCT 2000

Asean-Kesedaran

PERGIAT USAHA TINGKATKAN KESEDARAN MENGENAI AKTIVITI ASEAN

Oleh: Ghazemy Mahmud

HANOI, 13 Okt (Bernama) -- Menteri-menteri Penerangan Asean telah bersetuju untuk mempergiatkan usaha dalam meningkatkan kesedaran mengenai aktiviti dan pencapaian kumpulan serantau itu dalam media antarabangsa.

Ini sebagai timbal balas kepada imej negatif yang digambarkan dalam media berkenaan mengenai pertumbuhan berusia 33 tahun itu yang kini telah diperluaskan kepada 10 negara, menteri-menteri itu berkata pada akhir persidangan Menteri-Menteri Asean yang bertanggungjawab bagi Penerangan (AMRI) di sini hari ini.

Setiausaha Agung Asean Rodolfo C. Severino berkata masalah imej itu termasuk salahfaham mengenai Asean berhubung isu-isu seperti jerebu baru-baru ini dan usaha mengintergrasikan rantau ini daripada segi ekonomi.

Negara-negara anggota telah mencapai kemajuan yang signifikan dan pantas dalam proses intergrasi tetapi perhatian media tertumpu pada kesukarannya, katanya.

Beliau berkata maklumat umum bagi daya saing ekonomi di rantau ini adalah amat penting.

Menteri-menteri berkenaan juga melahirkan komitmen mereka untuk membantu kempen setiap negara anggota dengan menandatangani Memorandum Persefahaman mengenai Pelan Komunikasi bagi Menggalakkan Kesedaran dan Kesefahaman Asean.

Semasa persidangan media itu menteri-menteri itu juga menyentuh mengenai perlunya bagi program tindakan segera untuk menangani masalah imej pada masa sekarang.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, yang menandatangani MoU itu bagi pihak Malaysia, berkata Asean perlu berusaha untuk memperbaiki imej "perhubungan awamnya" dengan segera untuk kekal di hadapan dengan kebangkitan globalisasi.

"Masalah PR ini perlu diselesaikan secepat mungkin kerana perkara itu perlu diperbetulkan secara profesional," katanya kepada Bernama di sini. Turut hadir pada majlis menandatangani MoU itu ialah Duta Malaysia Datuk Zainal Zain.

Asean telah digambarkan secara negatif sejak bertahun-tahun lamanya sebagai pertumbuhan yang tidak berkesan dan tidak relevan oleh media walaupun di sebalik kejayaannya sebagai sebuah kuasa ekonomi dan politik, kata Khalil.

Katanya masalah imej itu bermula apabila berakhirnya Perang Dingin tetapi situasi itu bertambah teruk selepas krisis kewangan tiga tahun lepas yang memusnahkan ekonomi negara kumpulan itu.

Beliau berkata negara-negara individu boleh mula memperbaiki imej Asean melalui hubungan dua hala dengan negara-negara bukan anggota Asean dan di mesyuarat-mesyuarat antarabangsa.

Katanya lawatan rasmi oleh menteri dan pemimpin juga patut dimanfaatkan untuk mempromosikan Asean sebagai pasaran serantau yang stabil dan kukuh yang sedang cuba mengintergrasikan ekonominya.

Khalil berkata Malaysia telah melaksanakan perkara itu dan di samping menekankan mengenai Malaysia semasa lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke luar negara, Perdana Menteri juga bercakap bagi pihak Asean dan dunia sedang membangun terutama dalam konteks kerjasama Selatan-Selatan.

Dengan cara mereka sendiri, beliau berkata, negara-negara lain juga boleh berbuat demikian.

Katanya terdapat banyak perjanjian dan persetujuan di Asean, termasuk hubungan dua hala antara negara-negara anggota sehingga kepada kerjasama dalam kebudayaan, maklumat dan ekonomi.

"Kita perlu berfikir mengenai melakukan susulan sebenar terhadap pelbagai perjanjian itu, " kata Khalil yang mengetuai delegasi 11 anggota

ke persidangan itu.

Sesetengah cadangan seperti saluran satelit Asean, pada mulanya dicadangkan oleh Malaysia pada persidangan terdahulu, dibincang pada persidangan AMRI di sini, menteri-menteri berkenaan bersetuju bahawa saluran itu dapat membantu mempromosikan Asean tetapi kemudian memutuskan menengguhkan penubuhan saluran itu berikutan masalah kewangan sesetengah negara anggota.

Khalil mengaku bahawa terdapat masalah teknikal dan kewangan tertentu dalam usaha cuba memperbaiki imej Asean di peringkat antarabangsa oleh negara-negara anggota yang berada dalam pelbagai peringkat pembangunan ekonomi, terutama selepas baru pulih daripada krisis kewangan baru-baru ini.

Khalil berkata kos teknikal bagi sesetengah projek besar perlu dikongsi tetapi mencadangkan bahawa "secara kolektifnya negara-negara yang lebih kaya di kalangan Asean boleh menyumbang bagi pihak semua orang dalam projek-projek lain yang lebih kecil."

Sesetengah projek itu, katanya, tidak benar-benar berkaitan dengan perkara teknikal seperti pembiayaan kerana ia boleh dilaksanakan dengan menggunakan kemudahan sedia ada di kalangan negara-negara anggota.

Persidangan AMRI Keenam dirasmikan semalam oleh Timbalan Perdana Menteri Vietnam Nguyen Manh Cam yang berkata bahawa Asean perlu bekerjasama mencari penyelesaian yang efektif bagi pengurusan bersepadu maklumat dengan menghormati kedaulatan negara dan perpaduan serantau.

-- BERNAMA

GM RHM RON